

3767/1
EKONOMI
KERTAS 1
NOVEMBER 2023
1 ¼ JAM

NO KAD PENGENALAN

								-								
--	--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--

Nama Pelajar :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2023**

**EKONOMI
KERTAS 1**

MASA : SATU JAM LIMA BELAS MINIT

ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A,B,C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang di sediakan.
4. Sekiranya anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan jawapan yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas ini mengandungi **17** halaman bercetak

1 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah ekonomi.

Firma Ezhan terpaksa menangguhkan pengeluaran barang X dan memilih pengeluaran barang Y kerana kekurangan

Tindakan pilihan tersebut adalah kerana

- A mengutamakan kebajikan rakyat
- B meminimumkan kos pengeluaran
- C memaksimumkan kepuasan individu
- D mengoptimumkan keupayaan pengeluaran


2 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sumber ekonomi.

- **Penawarannya terhad**
- **Mempunyai mobiliti geografi**

Sumber di atas adalah

- I tanah
 - II buruh
 - III modal
 - IV usahawan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 3 Rajah 1 merupakan keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) bagi dua jenis barang.



Rajah 1

Pernyataan yang manakah menjelaskan kesan perubahan kombinasi pengeluaran titik A ke B?





- A Pengeluaran Y berkurang sebanyak 100 unit
 - B Pengeluaran X bertambah sebanyak 400 unit
 - C Tidak wujud masalah pilihan dan kos lepas
 - D Ekonomi mencapai guna tenaga penuh
- 4 Pernyataan yang manakah merujuk kepada masalah untuk siapa barang dikeluarkan?
- A Penentuan jenis barangan
 - B Penentuan kuantiti barangan
 - C Penentuan pengagihan barangan
 - D Penentuan cara pengeluaran barangan

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu dasar kerajaan.


Gaji minimum dinaikkan kepada RM1500 mulai 1 Julai 2023

Sumber: Ubah suai sinarharian.com, 30 Jun 2023

Rajah yang manakah betul bagi maklumat tersebut?



- 6 Rajah 2 menunjukkan perubahan permintaan kereta Proton X-50.




Rajah 2

Pernyataan yang manakah **betul** menyebabkan berlakunya peralihan keluk permintaan di atas?

- A Harga kereta import secara relatif lebih mahal
 - B Bank pusat menaikkan kadar faedah pinjaman sewa beli
 - C Jangkaan harga kereta akan berkurang pada masa depan
 - D Kewujudan pelbagai jenama kenderaan baharu dalam pasaran
- 7 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan hukum penawaran?
- A Keluk yang mencerun ke bawah dari kiri ke kanan
 - B Hubungan positif antara harga dan kuantiti ditawarkan
 - C Apabila harga turun, kuantiti ditawarkan akan meningkat
 - D Kuantiti meningkat kesan penggunaan teknologi moden

- 8 Rajah 3 berkaitan dengan keluk penawaran bagi suatu barang.




Rajah 3

Antara yang berikut, faktor yang manakah mempengaruhi pergerakan titik a ke b?

- A Pengurangan harga barang itu
- B Pengurangan harga faktor pengeluaran
- C Jangkaan harga masa depan berkurang
- D Matlamat pengeluar memaksimumkan jualan

- 9 Rajah 4 menunjukkan perubahan keseimbangan pasaran bagi suatu produk.



Rajah 4

Apakah yang menyebabkan perubahan titik keseimbangan E_0 ke E_1 ?

- A Peningkatan harga barang itu
 - B Penggunaan teknologi moden
 - C Pertambahan kuasa beli pengguna
 - D Pemberian subsidi semakin meluas
- 10 Jadual 1 menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang di pasaran.


Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
1.50	13
2.50	12

Jadual 1

Pernyataan yang manakah betul jika harga meningkat?

- A Contoh barang adalah barang keperluan
- B Nilai keanjalan harga permintaan melebihi 1
- C Peratus kenaikan harga adalah sebanyak 50%
- D Pengeluar akan menurunkan harga barang bagi memaksimumkan hasil

- 11 Apakah faktor yang mempengaruhi keanjalan harga permintaan suatu barang?
- A Jenis barangan
 - B Tambahan kos
 - C Mobiliti faktor pengeluaran
 - D Ketersediaan stok atau inventori
- 12 Rajah 5 menunjukkan keluk penawaran suatu barang.



Rajah 5

Berapakah keanjalan harga penawaran tersebut jika harga berubah 20%?

- A 0.20
 - B 0.80
 - C 1.00
 - D 1.25
- 13 Wang boleh digunakan dalam pembelian barang secara ansuran. Fungsi wang adalah sebagai alat
- A ukuran nilai
 - B simpanan nilai
 - C bayaran tertunda
 - D perantaraan pertukaran

- 14 Encik Talhah membeli kereta Myvi dengan bayaran ansuran RM480 sebulan. Apakah perkhidmatan bank perdagangan yang memudahkan beliau membuat pembayaran kereta tersebut?
- A Draf bank
 - B Debit Langsung
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada
- 15 Antara yang berikut, yang manakah merupakan pekerjaan sektor kedua?
- I Jurutera
 - II Guru tadika
 - III Pegawai bank
 - IV Pengurus kilang perabot
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pendapatan individu.

X merupakan sejenis pendapatan individu yang tidak produktif

Situasi manakah yang menerangkan X?

- A Emir menerima e-dompet sebanyak RM150
- B Alya mendapat RM1 200 setahun dari simpanan ASB
- C Hafiz memperolehi RM450 sebulan daripada perniagaan kerepeknya
- D Diana menerima RM700 sebulan daripada penyewaan rumah sewanya

- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah penyediaan belanjawan peribadi.

Langkah 1 - Menjumlahkan pendapatan boleh guna
Langkah 2 - X
Langkah 3 - Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan
Langkah 4 - Mengimbangkan pendapatan boleh guna dengan perbelanjaan

Apakah X?

- A Mengira jumlah potongan wajib
 - B Mengira jumlah tabungan yang ada
 - C Mencatat semua perbelanjaan yang hendak dilakukan
 - D Menyusun semua potongan wajib mengikut keutamaan
- 18 Firma Maju telah menambah bilangan pekerja daripada 300 orang kepada 400 orang. Jumlah pengeluaran bertambah daripada 5 000 kepada 6 000 unit. Hitung keluaran marginal firma tersebut.
- A 10 unit
 - B 100 unit
 - C 1 000 unit
 - D 11 000 unit
- 19 Berikut adalah kos pengeluaran bagi sebuah firma.

Jumlah output	: 500 unit
Kos tetap	: RM1 150
Kos berubah	: RM2 000

Berapakah kos purata?

- A RM1.70
- B RM2.30
- C RM4.00
- D RM6.30

- 20 Syarikat Rima menjual 250 pasang kasut sukan dengan harga RM25 sepasang. Jumlah kos pengeluaran kasut ialah RM4 250. Berapakah jumlah untung Syarikat Rima?
- A RM2 000
 - B RM4 275
 - C RM4 500
 - D RM6 250
- 21 Antara yang berikut, yang manakah faktor mempengaruhi produktiviti?
- I Kemahiran dan tahap motivasi manusia yang cekap
 - II Penggunaan bahan yang berkualiti
 - III Meminimumkan kos pengeluaran
 - IV Upah dan sewa yang murah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 22 Antara yang berikut, yang manakah faedah sosial luaran apabila seseorang individu berbasikal ke tempat kerja?
- A Menjimatkan masa
 - B Kos pengangkutan rendah
 - C Mengelakkan kesesakan lalu lintas
 - D Kadar pencemaran udara yang lebih rendah
- 23 Pernyataan yang manakah betul tentang peranan kerajaan dalam mengawal selia pengeluaran?
- A Kuota menyebabkan persaingan yang sihat antara firma
 - B Pengenaan cukai menyebabkan firma lebih prihatin terhadap alam sekitar
 - C Dasar harga maksimum merupakan dasar penetapan harga yang lebih tinggi daripada harga keseimbangan
 - D Kerajaan memberi subsidi pengguna untuk menstabilkan harga barang dan mengurangkan kos pengeluaran

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi.

X berlaku kerana terlalu banyak wang mengejar sedikit barang dalam ekonomi

Apakah kesan **X**?

- I Peluang pekerjaan menurun
 - II Kuasa beli masyarakat meningkat
 - III Pendapatan benar masyarakat menurun
 - IV Nilai wang yang dipegang oleh masyarakat merosot
- A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV
- 25 Antara yang berikut, yang manakah kesan pengangguran?
- I Kehilangan kemahiran dan keyakinan diri
 - II Harga barang dalam pasaran semakin naik
 - III Taraf hidup masyarakat semakin bertambah baik kerana kuasa beli naik
 - IV Pendapatan negara sebenar kurang daripada pendapatan negara potensi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 26 Gambar 1 berkaitan dengan suatu situasi ekonomi yang dihadapi dalam negara.



Gambar 1

Apakah dasar fiskal yang akan digunakan oleh kerajaan bagi mengurangkan masalah tersebut?

- I Menaikkan kadar cukai
 - II Menurunkan kadar cukai
 - III Menambahkan perbelanjaan kerajaan
 - IV Mengurangkan perbelanjaan kerajaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 27 Antara yang berikut, pernyataan yang manakah **betul** tentang hasil kerajaan?
- I Contoh cukai tak langsung ialah bayaran lesen dan permit
 - II Sumber hasil kerajaan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai
 - III Cukai merupakan bayaran wajib dalam bentuk wang yang dikenakan kerajaan
 - IV Cukai langsung merupakan cukai yang beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain
- A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV


- 28 Bagaimanakah kerajaan menggunakan dasar kewangan untuk mengatasi masalah kemelesatan ekonomi?
- I Menurunkan kadar cukai
 - II Menurunkan kadar faedah
 - III Membeli surat jaminan kerajaan
 - IV Menurunkan perbelanjaan kerajaan
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV
- 29 Pernyataan yang manakah betul tentang perdagangan antarabangsa?
- A Perdagangan antarabangsa terdiri daripada eksport dan import
 - B Entreport merupakan pembelian barang dan perkhidmatan dari negara lain
 - C Budaya masyarakat yang sama mendorong wujudnya perdagangan antarabangsa
 - D Mobiliti tenaga buruh yang semakin meningkat merupakan kesan perdagangan antarabangsa
- 30 Apakah tujuan kerajaan melaksanakan sekatan bukan ekonomi dalam perdagangan antarabangsa?
- A Merupakan sumber hasil negara
 - B Mengehadkan pembelian pertukaran asing
 - C Menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat
 - D Menggalakkan perkembangan industri penggantian import
- 31 Kerajaan mengenakan kuota dalam perdagangan antarabangsa kerana dapat
- A meningkatkan jumlah pendapatan negara
 - B mempelbagaikan pilihan barangan pengguna
 - C memperbaiki imbangan pembayaran negara
 - D menggalakkan persaingan yang sihat antara firma

32 Antara yang berikut, yang manakah direkodkan dalam akaun perkhidmatan?

- I Nilai import barang tak nampak
- II Nilai import barang nampak
- III Nilai eksport barang nampak
- IV Nilai eksport barang tak nampak

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33 Maklumat di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dollar Singapura (SGD).



Berapakah nilai dalam Ringgit Malaysia yang perlu dibayar oleh seorang pelancong Malaysia yang membeli sebuah beg berjenama berharga SGD1 200 di sebuah butik terkenal di negara tersebut?

- A RM349.68
- B RM3 768.84
- C RM4 118.05
- D RM4 468.20

- 34 Kenaikan Ringgit Malaysia (RM) akan menyebabkan
- I jumlah eksport meningkat
 - II jumlah import meningkat
 - III harga barang eksport lebih mahal
 - IV harga barang import lebih mahal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 35 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35 I Implikasi daripada sesuatu pilihan adalah kos lepas.
 II Kos lepas bagi individu ialah keuntungan yang mungkin daripada projek pelaburan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.
- 36 I Hukum permintaan menyatakan semakin tinggi harga, semakin tinggi kuantiti diminta.
 II Keluk permintaan menunjukkan hubungan langsung antara harga dengan kuantiti diminta.
- 37 I Keperluan mudah dipenuhi bergantung kepada pendapatan seseorang individu.
 II Kehendak tidak semestinya dipenuhi kerana ianya adalah tidak terhad.
- 38 I Kos tetap hanya wujud dalam jangka pendek.
 II Kos berubah tidak wujud apabila pengeluaran adalah sifar.
- 39 I Perbelanjaan mengurus merupakan perbelanjaan yang tidak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan negara.
 II Contoh perbelanjaan mengurus ialah pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri.
- 40 I Pelaburan langsung asing boleh dilakukan dengan cara pengambilalihan syarikat asing.
 II Pelaburan langsung asing boleh menyebabkan belaku keseimbangan pendapatan antara negara yang terlibat.

KERTAS TAMAT